

“Angkatan Sukarela Pelengkap Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) Negara”

Syarahannya Eksekutif PALAPES Universiti Awam

5 September 2024, UPSI

Hadirin dan hadirat yang saya hormati,

1. Terima kasih kepada pihak penganjur atas jemputan dan penghormatan ini.
2. Saya sangat berbesar hati dapat hadir dan bertemu dengan anggota PALAPES Universiti Awam, para pelatih dan semua yang terlibat pada hari ini.
3. Saudara dan saudari adalah sekumpulan anak muda yang unik.
4. Walaupun PALAPES berada di bawah universiti-universiti dan secara asasnya terletak di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, saudara dan saudari sebenarnya adalah salah satu daripada pemegang taruh penting dalam ekosistem pertahanan negara.
5. Sebab itulah saya memutuskan untuk hadir dan bertemu sendiri dengan saudara-saudari semua. Kerana saya mempunyai harapan tersendiri daripada semua anggota PALAPES seperti saudara dan saudari.
6. Jadi, hari ini izinkan saya untuk berkongsi 3 perkara penting.
7. **Pertama**, saya ingin menyatakan secara jelas dan terbuka, apakah sebenarnya peranan yang Kementerian Pertahanan dan negara kita dambakan daripada saudara-saudari semua.
8. **Kedua**, saya mahu kongsi secara jujur dan terbuka realiti-realiti penting berkenaan dengan pertahanan negara kita.
9. Dan **ketiga**, adalah penting untuk kita sebagai anggota masyarakat bersama-sama memahami dan menghargai sumbangan serta pengorbanan ATM dalam memastikan kedaulatan negara kekal terpelihara.

Saudara dan saudari,

10. **Saya ingin mulakan dengan hasrat dan seruan besar yang bukan sahaja mewakili Kementerian Pertahanan dan ATM, tetapi seruan saya secara peribadi kepada saudara saudari semua.**
11. Seruan yang saya sifatkan sebagai panggilan patriotik dan peringatan terhadap tanggungjawab moral yang kita pikul sebagai anak bangsa yang cintakan tanah air.
12. **Saya secara jujurnyanya sangat mengharapkan yang semua anggota PALAPES yang berada di hadapan saya pada hari ini, akan meneruskan perjalanan yang sudah dimulakan ini dengan menyertai ATM atau pasukan simpanan dan sukarela ATM selepas ini.**
13. Saya tidak akan berselindung atau berlapik-lapik dalam seruan saya ini. Kerana, saya benar-benar mahu saudara dan saudari semua menyertai pasukan ATM kita atau setidak-tidaknya menjadi sebahagian daripada pasukan simpanan dan sukarela ATM kita.
14. Saya mahu, jika boleh, selepas sahaja tamat latihan dan keluar dari universiti kelak, tidak ada seorang pun daripada kalangan saudara dan saudari yang meninggalkan sektor pertahanan. Sebaliknya, memilih untuk terus dan kekal menyumbang kepada pertahanan negara.
15. Kenapa saya membuat seruan besar ini?
16. Ini kerana, sebagai PALAPES, saudara dan saudari sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang lebih berbanding rakan-rakan saudara dan saudari di luar sana.
17. **Pertama**, kerana saudara dan saudari adalah generasi baharu. Generasi yang lahir dan dibesarkan dalam dunia ledakan teknologi. Generasi yang hidup dan belajar dengan kelebihan teknologi. Generasi yang tidak dapat hidup tanpa teknologi.
18. Dan realiti pertahanan hari ini, ATM sememangnya memerlukan mereka yang memahami dan berminat dengan teknologi.
19. **Kedua**, saudara dan saudari semua adalah mahasiswa. Mahasiswa adalah golongan yang pintar dan matang. Golongan yang mempunyai kelebihan ilmu berbanding yang lain.

20. Kita mahu pasukan ATM kita diisi dengan bakat yang pintar daripada pelbagai latar belakang bidang dan pengetahuan.
21. **Ketiga**, saudara dan saudari semua sudah pun melalui dan menamatkan latihan asas ketenteraan. Saya percaya, segala latihan yang telah dilalui dengan baik tersebut telah membentuk disiplin diri, kemahiran serta pemahaman asas terhadap dunia pertahanan.
22. Malah, saudara dan saudari didedahkan dengan pelbagai pengalaman yang menarik. Dan sudah memahami keperluan dan kepentingan pertahanan negara yang dinamik.
23. **Semua ini menjadikan saudara dan saudari berada pada kedudukan yang unik untuk menyumbang kepada negara dalam kapasiti dan cara yang lebih besar dan berkesan berbanding mereka yang tidak menyertai PALAPES.**
24. Malah, semua ini menjadikan saudara dan saudari kini sebagai sebahagian daripada '*our first line of defence*' atau barisan pertama pertahanan negara kita.
25. PALAPES bukan hanya menjadi pelengkap. Bukan sekadar pasukan simpanan. Tetapi menggalas tanggungjawab yang lebih besar dan penting daripada itu.
26. Dalam saat genting, dan ketika negara memerlukan ketumbukan yang benar-benar '*war ready*', PALAPES adalah kalangan yang akan dimobilisasikan sesegera mungkin.
27. Apabila negara memerlukan, saudara dan saudari semua tidak boleh memberi alasan kurang bersedia. Sebaliknya, saudara dan saudari semua mesti tampil dengan tegas dan berani berjuang mempertahankan tanahair.
28. Jadi, nasihat saya, jangan sia-siakan segala latihan, pendedahan dan pengalaman ini.
29. Manfaatkan, jiwai dan jadikan semua yang telah dilalui selama ini sebagai perjalanan yang mendewasakan kalian sebagai satu karakter patriotik.

30. Karakter yang sanggup berjuang. Sanggup berkorban. Sanggup melakukan apa sahaja demi negara, biar pun jika harganya adalah jiwa dan raga.
31. Apatah lagi pada saat kita berhadapan dengan pelbagai cabaran moral dan sosial. PALAPES harus muncul sebagai suri teladan terbaik. Saudara dan saudari mesti menjadi jiwa-jiwa yang kental, berani dan tampil memimpin.
32. Jiwa yang bekerja keras. Berdisiplin. Berakhlak mulia dan berperibadi unggul.
33. Kerana itulah yang kita dambakan daripada generasi pewaris, demi tanahair yang maju dan sejahtera.
34. Justeru, sekali lagi, janganlah sesekali beranggapan apa yang anda lakukan di universiti sebagai PALAPES selama ini sekadar memenuhi tuntutan keperluan ko-kurikulum.
35. Atau ia tidak lebih daripada sekadar satu lapangan mengisi masa lapang dengan minat tersendiri. Atau untuk tujuan lain selain khidmat untuk tanahair.
36. Sebaliknya, masa yang anda luangkan, latihan yang anda ikuti, pengalaman anda yang anda kutip, adalah satu khidmat kepada bangsa dan tanahair.
37. **Justeru, sekali pun saya sangat menghargai penyertaan saudara dan saudari semua dalam PALAPES, saya juga benar-benar mengharapkan yang minat serta komitmen saudara dan saudari semua diteruskan selepas ini.**
38. **Sertailah pasukan ATM sebagai anggota tentera.**
39. **Atau sekali pun saudara dan saudari ingin meneruskan cita-cita dan kerjaya di tempat lain, sertailah pasukan simpanan atau sukarela ATM selepas ini.**
40. **Yang pasti, sebagai seorang anggota PALAPES, saudara dan saudari tidak boleh berhenti di sini. Ia tidak sepatutnya berhenti setakat ini.**

Saudara dan saudari,

41. Saya yakin, pasti ada yang akan bertanya. Mengapa saya membuat seruan yang sangat berterus terang dan bersungguh-sungguh seperti ini.
42. Ini kerana, realiti pertahanan pada hari ini sudah sangat berubah dan kompleks.
43. Izinkan saya untuk kongsi beberapa realiti pertahanan negara kita, dan bagaimana bakat, ilmu dan kemahiran saudara dan saudari semua sangat kritikal dan diperlukan.
44. Pertama sekali, kita mesti ingat. Hanya kerana negara sedang aman dan kita tidak terlibat dengan apa-apa konflik dan peperangan yang terlihat dengan mata kasar, itu tidak sesekali bermakna kita tidak berhadapan dengan ancaman dan serangan.
45. Pemahaman kita tentang ancaman tradisional seperti serangan komunis, peperangan atau pertempuran senjata secara fizikal dan penjajahan kuasa besar, sudah sangat tidak memadai.
46. Realitinya, elemen-elemen bukan tradisional seperti fenomena alam sekitar yang ekstrem, krisis ketidakcukupan makanan, serangan siber, keupayaan dan kecekapan menggerakkan bantuan kemanusiaan dan bencana, kesemuanya sudah menjadi sebahagian daripada ancaman bukan tradisional yang kritikal kepada pertahanan negara.
47. Kecanggihan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (AI), manipulasi data raya dan analitik serta aktiviti penggodaman kini menjadi ancaman yang semakin ketara dan menakutkan.
48. Inovasi sains dan teknologi seperti *unmanned ariels vehicles (UAV)* seperti *drone* telah mengubah kedinamikan dan cara sesuatu pertempuran bersenjata dijalankan. Seperti yang dapat kita saksikan dalam konflik antara Rusia dan Ukraine.
49. Begitu juga dalam konteks keselamatan siber. Segala sistem dan prasarana negara dapat dilumpuhkan dengan serangan siber yang terancang dan menggunakan teknologi termaju.

50. Insiden *cybersecurity* menyaksikan peningkatan sehingga 600% dalam konteks jenayah siber sejak bermula pandemik global, serta peningkatan 350% serangan *ransomware* di seluruh dunia.¹
51. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mendedahkan serangan siber dalam sektor kewangan telah meningkat lebih dari dua kali ganda sejak 2020.
52. Apabila sektor kewangan atau pasaran ekonomi sesebuah negara diserang ancaman siber, kesan sebenar meretas aspek pengangguran, kerugian material atau tindakan keluar para pelabur.
53. Sebaliknya, impak yang ditinggalkan mampu mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.
54. **Di Malaysia misalnya. Kita berhadapan dengan serangan disruptif paling tinggi rantau ini.**
55. Ancaman dalam domain ini hadir dari operasi seperti *state-sponsored cyber-espionage*, *hacktivism*, dan *cyber-terrorism*.
56. Jadi, adalah tidak tepat untuk kita melihat pertahanan negara dalam konteks 'hardpower' semata-mata.
57. **Pada masa yang sama, kedudukan Malaysia sebagai laluan strategik dan negara maritim di rantau ASEAN turut menghadirkan risiko ancaman yang tidak kurang rumitnya.**
58. Semasa pertemuan dua hala dengan Menteri Pertahanan Republik Jerman dalam Munich Security Conference, Februari tahun ini, saya dapat melihat sendiri wujud minat yang jelas daripada negara Barat, khususnya Eropah, untuk mempunyai '*presence*' yang lebih besar dan signifikan di rantau ini.
59. Minat yang sama telah diterjemahkan secara terbuka kepada saya oleh Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Llyod James Austin III, semasa pertemuan dua hala dengan Malaysia di Singapura awal Jun yang lalu.
60. **Mereka mahu 'hadir' dan 'berada' di tenggara Asia. Dan mereka kesemuanya sangat serius dan bersungguh-sungguh dalam hal ini.**

¹ PURPLESEC Security Insights, <https://purplesec.us/security-insights/data-breaches/>

61. Proses melobi dan meyakinkan negara-negara ASEAN untuk mengajak dan menyokong kehadiran dan keberadaan negara-negara luar, khususnya dari Eropah dan Barat, berlaku secara berterusan.
62. Kita juga menyaksikan kehadiran pelbagai aset udara dan laut oleh Perancis, Jerman dan U.K ke rantau indo-pasifik khususnya Asia Tenggara.
63. Malah, negara-negara yang selama ini dilihat kurang berminat dengan diplomasi Asia seperti Sepanyol dan Itali, kini dilaporkan akan mula turut serta dalam misi ke Indo-Pasifik dan Asia.
64. **Jadi, apa makna dan impak perkembangan teknologi yang canggih, percambahan pelbagai ancaman bukan tradisional dan kehadiran minat mendalam kuasa-kuasa besar ini kepada kita sebagai sebuah negara maritim yang berdaulat?**
65. Pertama, sudah pastilah kesemua perkembangan ini memberi ancaman yang lebih besar ke atas kedaulatan negara kita.
66. Kedua, kita mesti membuat persediaan awal yang rapi dengan meneroka segala potensi teknologi, inovasi serta kerjasama yang baik untuk memperkukuh pertahanan negara kita.
67. **Dan kedua-dua perkara ini menuntut kita untuk mempunyai sumber manusia dan bakat terbaik dari segala macam latar belakang pengetahuan dan kemahiran.**
68. **Ini bermakna, setiap jurusan, ilmu dan kemahiran yang dipelajari dan dimiliki oleh saudara dan saudari pada hari ini sangat diperlukan oleh pasukan pertahanan kita.**

Saudara dan saudari,

69. Saya ingin tegaskan bahawa sekali pun kita secara umumnya tidak berada dalam situasi perang atau konflik, proses memelihara keamanan dan kedaulatan sebenarnya sangat kompleks.
70. Selain memerlukan pelaburan besar yang selari dengan penggunaan teknologi termaju, kedaulatan negara menuntut agar operasi serta pengawasan dilakukan sepanjang masa.

71. **Secara umumnya, pasukan ATM menjalankan pelbagai operasi selama 24 jam sehari, 7 hari seminggu, sepanjang tahun di seluruh negara.**
72. Sepanjang tahun, akan terdapat pelbagai operasi, latihan bersama dan gerak kerja ketenteraan di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa, meliputi 42 latihan bilateral dan 28 latihan multilateral.
73. Malaysia turut terlibat dengan operasi bersama negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Thailand. Bagi memastikan keselamatan maritim di Selat Melaka, inisiatif *Malacca Straits Patrol* (MSP) telah dijalankan dengan kerjasama negara-negara jiran tersebut.
74. **Kesemua bentuk latihan, kerjasama dan operasi ini bukan sahaja kritikal dalam membina keupayaan pertahanan kita. Tetapi menelan kos yang besar.**
75. Jadi, sebagai orang awam, janganlah kita bersikap sinis, prejudis masalah pesimis apabila Kementerian Pertahanan sentiasa menggesa dan merayu agar peruntukan kementerian ini dan ATM dinaikkan.
76. Kesemua permintaan itu mempunyai asas yang sangat kuat, walaupun tidak kesemuanya dicerita dan didedahkan kepada masyarakat umum secara terperinci.
77. Apatah lagi sebagai anggota PALAPES, saya sangat berharap yang anak muda seperti saudara dan saudari semua, memahami dan menghargai semua realiti ini dengan sedalam-dalamnya.
78. Percayalah, tugas serta pengorbanan anggota ATM kita yang mengawal kedaulatan negara sepanjang masa bukanlah sesuatu yang murah dan mudah.
79. Jadi, hargailah segala sumbangan dan pengorbanan mereka yang tidak pernah merungut dan mengabaikan tanggungjawab kepada negara.

Saudara dan saudari,

80. **Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk kongsi secara ringkas beberapa agenda besar yang sedang diusahakan di Kementerian Pertahanan sekarang.**

81. Ada yang bersifat jangka pendek, dan ada yang bersifat jangka pandang.
82. Yang paling menyeluruh antara semua adalah komitmen dan pelan Kementerian Pertahanan membangunkan apa yang kita panggil sebagai **Angkatan Masa Hadapan**.
83. Di bawah pelan ini, setiap satu perkhidmatan Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia mempunyai beberapa fokus dan strategi untuk memperkukuh kedudukan masing-masing sebagai pasukan yang moden dan berwibawa.
84. Proses modenisasi ini memerlukan semua domain pertahanan nasional melalui transformasi dan pembaharuan secara besar-besaran tetapi terancang dan berperingkat. Transformasi yang dipacu teknologi termaju
85. Dan, salah satu komponen terpenting dalam modenisasi pertahanan nasional ini ialah **membangunkan ketumbukan dan armada digital** secara strategik, terancang dan saintifik.
86. Kita sangat mengambil berat perkara ini dan akan membuat pelaburan yang besar bagi memastikan armada digital kita adalah antara yang paling baik di dunia.
87. Maka, seperti yang saya tekankan sebentar tadi, untuk membentuk sebuah Angkatan Masa Hadapan yang kuat dan berkesan, negara memerlukan bakat dan kemahiran yang pelbagai. Kerana, hanya dengan bakat terbaik dalam pelbagai bidang dan kemahiran, modenisasi pertahanan nasional ini dapat dijayakan.
88. Dan bagi menarik lebih ramai penyertaan bakat-bakat terbaik seperti saudara dan saudari semua ke dalam ATM, Kementerian Pertahanan kini sedang **menyemak semula proses, syarat serta rejim latihan yang diguna pakai untuk merekrut anggota-anggota simpanan dan sukarela ATM**. Agar lebih sesuai, kompetitif dan berupaya memenuhi sasaran kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

89. Latihan dan aspirasi kita untuk menjadikan PALAPES sebagai pasukan simpanan yang baik tidak akan berjaya tanpa komitmen dari semua pentadbir universiti.

90. Jadi, saya juga sangat berharap yang para pentadbir universiti memahami dengan jelas. Bahawa anda semua juga berperanan dalam memastikan PALAPES diurus dan disokong dengan cara yang selari dengan kepentingan pertahanan nasional.
91. Jangan PALAPES ini dibiarkan tanpa sokongan.
92. Adalah menjadi tugas universiti untuk memberi dorongan kepada bakat terbaik di IPTA untuk berlumba-lumba memberikan khidmat pada negara melalui PALAPES.
93. Insyallah, saya juga akan mengusahakan segala yang diperlukan, agar IPTA kita mempunyai segala keperluan dan prasarana, bagi memungkinkan kita membentuk karakter terbaik dan paling unggul untuk berkhidmat kepada negara.
94. **Sebelum berakhir, sekali lagi saya menyeru. Marilah kita semua bersama-sama menjadikan ketumbukan pertahanan Malaysia sebagai ketumbukan terbaik.**
95. **Sesungguhnya pasukan pertahanan terbaik memerlukan bakat terbaik.**
96. **Dan sebagai mahasiswa dan anggota PALAPES, saya yakin, saudara dan saudarilah bakat-bakat terbaik yang kita perlukan.**
97. Sesungguhnya, sumbangan dan penyertaan saudara dan saudari semua dalam pasukan pertahanan negara adalah satu nilai tambah besar yang sangat kita hargai.
98. Dan kalau boleh saya ungkapkan dalam ekspresi anak muda kini, perkara seperti ini barulah sesuatu yang layak kita katakan sebagai *very mindful, very demure!*
99. Terima kasih kerana menjemput saya. Saya sangat gembira bertemu dengan bakal-bakal wirawan dan wirawati terbaik negara kita. Saya harap saya akan bertemu dengan saudara dan saudari selepas ini sebagai anggota ATM atau sebahagian daripada anggota sukarela atau pasukan simpanan ATM.
100. Sekian terima kasih.